

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR NORAZMIR MD NOR
TIMBALAN REKTOR
HAL EHWAL PELAJAR**

**MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
JOM SIHAT @ UCS**

**9 MEI 2025 | JUMAAT | 8 PAGI
DEWAN SERBAGUNA
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ALHAMDULILLAHI RABBI ALAMIN

WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL

**ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIBI AJMAIN**

Yang Dihormati Barisan Pengurusan UiTM
Cawangan Selangor

Ketua-ketua Bahagian, para staf dan warga UiTM
Cawangan Selangor yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia

Madani dan Salam UiTM di Hatiku.

1. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir untuk menjayakan program **Jom Sihat@UCS**.
2. Marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Ilahi, dengan limpah kurnia-Nya kerana diberikan kesihatan untuk kita berkumpul pada hari ini.
3. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia (BPSM) dengan kerjasama Unit Sukan serta semua pihak yang telah menyumbang usaha bagi menjayakan inisiatif yang begitu bermakna dalam membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kampus.

4. Untuk makluman, Program Jom Sihat@UCS merupakan inisiatif BPSM yang mula dianjurkan pada tahun 2020.
5. Bermula tahun 2024, format baharu diperkenalkan dengan melibatkan sesi perkongsian ilmu sebagai penambahbaikan.
6. Pada tahun 2025 ini, BPSM telah menetapkan penganjuran sebanyak 2 kali setahun dengan pengisian pelbagai aktiviti menarik dan bermanfaat untuk warga UCS.
7. Saya percaya penganjuran yang akan dilaksanakan secara giliran antara semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UCS bukan sahaja dapat memperkukuh jaringan kolaborasi antara PTJ UCS, tetapi turut memastikan bahawa kesedaran staf terhadap kepentingan penjagaan

kesihatan dapat disebar luas dengan lebih berkesan.

Hadirin sekalian,

8. Sukacita saya ingin menekankan bahawa program ini merupakan sebahagian daripada Inisiatif Kegirangan Warga, selari dengan Penjajaran Teras Strategik UiTM2025 dalam Perancangan Strategik Jabatan Tahun 2025.
9. Selain menerapkan pelaksanaan gaya hidup sihat dalam kalangan staf UCS, saya berharap program Jom Sihat@UCS dapat meningkatkan Happiness Index dan kesejahteraan mental warga UCS, selain mengeratkan ukhwah.
10. Langkah ini menunjukkan komitmen pihak pengurusan UCS dalam memastikan

kesejahteraan warga terus terpelihara, selaras dengan amanat Naib Canselor.

11. Justeru, saya amat menggalakkan semua staf UCS untuk terus menyokong dan menyertai program ini dengan penuh semangat, menjadikannya bukan sekadar satu aktiviti tahunan tetapi sebagai satu gaya hidup serta sebahagian daripada amalan kehidupan harian.

12. Saya dimaklumkan, program Jom Sihat@UCS bagi tahun 2025 ini dibuka dengan PTJ yang terpilih iaitu Unit Sukan yang telah merangka pelbagai aktiviti hari ni seperti *shooting skills, drill balls, life balance* serta *roll ball*.

13. Saya amat berharap agar program hari ini mencapai objektifnya dan memberikan manfaat yang berterusan serta memberi impak positif kepada semua warga UCS.

14. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan Program Jom Sihat@UCS ini.

15. Sumbangan dan komitmen kalian amat dihargai, dan semoga semangat yang ditunjukkan dalam program ini akan terus berkekalan dalam kehidupan kita.

Langkah diatur penuh beradab,
Kesihatan dijaga, tanggungjawab bersama,
Gaya hidup sihat bukan sekadar sebab,
Mewujudkan keseimbangan hidup sejahtera.

16. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Jom Sihat@UCS.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**